

## Arab Saudi sumbang RM323,711 untuk Tabung Bantuan Pelayaran

PELABUHAN KLANG 6 Mei - Kerajaan Arab Saudi hari ini menyumbangkan sebanyak RM323,711 kepada Tabung Bantuan Pelayaran bagi menunjukkan komitmennya terhadap tahap keselamatan di Selat Melaka.

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Duta Besar Arab Saudi, Mohammed Reda Hussein Abu Hamayel kepada Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Datuk Kapten Ahmad Othman di Institusi Latihan Pentadbiran dan Pengurusan Pengangkutan Laut (ILPPP), Pulau Indah di sini.

Menurut Ahmad, sumbangan itu akan digunakan bagi menampung kos menyenggara alat bantuan pelayaran terdiri daripada rumah api, penanda aras dan boya di Selat Melaka, sepanjang kira-kira 800 kilometer.

"Sebenarnya tabung ini sudah dilancarkan dua tahun lalu dan kebanyakan penyumbanganya adalah pengguna-pengguna Selat Melaka yang terdiri daripada negara-negara pedagang.

"Sebelum ini ada badan bukan kerajaan (NGO) dari Jepun membantu menyenggara alat-alat tersebut, kerjasama itu sudah berlangsung selama 30 tahun," katanya kepada pemberita.

Menerangkan lebih lanjut mengenai Tabung Bantuan Pelayaran, Ahmad memberitahu, tabung itu diwujudkan atas kerjasama tiga negara iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Ujarnya, objektif utama tabung itu adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan pelayaran dan penjagaan alam sekitar di sepanjang Selat Melaka.

Katanya, ini kerana selat berkenaan adalah antara laluan laut paling sibuk di dunia dengan lebih 90,000 kapal dagang berulang-alik menggunakannya setiap tahun.

"Oleh itu, kerjasama seperti ini perlu ditingkatkan agar jaminan keselamatan dan kelancaran di se-



**AHMAD Othman (kanan) menunjukkan laluan Selat Melaka kepada Mohammed Reda Hussein Abu Hamayel (tengah) ketika dibawa menaiki kapal untuk melihat peralatan bantuan pelayaran di Pelabuhan Klang, semalam.**

panjang laluan selat berkenaan dapat diteruskan dari semasa ke semasa," katanya.

Ahmad juga berharap sumbangan yang diterima hari ini bukan yang terakhir memandangkan purata kos penyenggaraan alat-alat berkenaan adalah RM5.8 juta bagi tempoh 10 tahun.

Sementara itu, Mohammed Reda Hussein berharap sumbangan yang diberikan itu dapat mengeratkan lagi hubungan antara Arab Saudi

dan juga Malaysia.

Ujarnya, beliau akan cuba berbincang dengan negaranya supaya sumbangan seperti itu boleh dijadikan aktiviti tahunan bagi terus membantu menyenggara dan mengganti alat-alat pelayaran di Selat Melaka.

"Kalau boleh Arab Saudi mahu menjalinkan kerjasama dengan semua agensi di Malaysia supaya hubungan kedua-dua negara semakin akrab," tambahnya.